

**Keberkesanan Rawatan Pemulihan Dadah Menggunakan Pendekatan Keagamaan: Kajian Dalam Kalangan Pelatih Wanita Di CCRC Bachok (Kelantan), AADK Besut, AADK Kemaman dan CCSC Kuala Terengganu (Terengganu)**

Dr. Siti Norlina Binti Muhamad, Prof. Madya Dr. Farahwahida Binti Mohd Yusof, Dr. Tamar Jaya Bin Nizar, Dr. Mohd Al'ikhsan Bin Ghazali, Akmaliza Binti Abdullah, Azlida Binti Mamat

**Maklumat Penulis:** Dr. Siti Norlina Binti Muhamad, Ph.D, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, UTM Skudai 81310 Johor Darul Takzim. Emel: [norlina@utm.my](mailto:norlina@utm.my)

Prof. Madya Dr. Farahwahida Binti Mohd Yusof, Ph.D, Profesor Madya, Pusat Penyelidikan Fiqh, Sains Dan Teknologi (CFIRST), Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, UTM Skudai 81310 Johor Darul Takzim. Emel: [farahw@utm.my](mailto:farahw@utm.my)

Dr. Tamar Jaya Bin Nizar, Ph.D, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, UTM Skudai 81310 Johor Darul Takzim. Emel: [tamar@utm.my](mailto:tamar@utm.my)

Dr. Mohd Al'ikhsan Bin Ghazali, Ph.D, Pusat Islam, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur. Emel: [alikhsan.kl@utm.my](mailto:alikhsan.kl@utm.my)

Akmaliza Binti Abdullah, Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, UTM Skudai 81310 Johor Darul Takzim. Emel: [a\\_akmaliza@utm.my](mailto:a_akmaliza@utm.my)

Azlida Binti Mamat

**Penyelidikan ini dibiayai melalui Geran Penyelidikan Ilmiah, Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri.**

## **Keberkesanan Rawatan Pemulihan Dadah Menggunakan Pendekatan Keagamaan: Kajian Dalam Kalangan Pelatih Wanita Di CCRC Bachok (Kelantan), AADK Besut, AADK Kemaman dan CCSC Kuala Terengganu (Terengganu)**

### **Abstrak**

Berdasarkan laporan daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2010 untuk 6 bulan pertama, masyarakat Melayu yang puratanya beragama Islam mencatatkan rekod tertinggi terlibat dengan penagihan dadah berbanding kaum-kaum yang lain. Walaubagaimanapun, sekiranya individu yang terlibat dengan dadah ini dibimbing dengan baik, mereka mampu untuk berubah dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi penghuni terhadap program keagamaan, menilai keberkesanan program keagamaan dalam membantu kejayaan proses rawatan dan pemulihan penghuni serta mengkaji kerelevanan pelaksanaan modul keagamaan di institusi pemulihan untuk diaplikasikan ke institusi pemulihan yang lain. Untuk memastikan objektif kajian berjaya dicapai, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif iaitu melalui kajian kepustakaan, temubual dan soal selidik. Populasi kajian meliputi *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) di Malaysia yang diwakili oleh CCRC Bachok, AADK Daerah Besut, AADK Daerah Kemaman dan CCSC Kuala Terengganu. Seramai 74 responden telah dipilih di kalangan pelatih wanita yang beragama Islam dan menjalani modul keagamaan di CCRC tersebut. Bagi Orang Kena Pengawasan (OKP) pula, kriterianya adalah wanita yang pernah mengikuti modul keagamaan sewaktu menjadi pelatih di CCRC Bachok. Temubual juga dilaksanakan terhadap 13 orang responden yang terdiri daripada OKP serta 9 orang kakitangan CCRC, AADK Daerah dan CCSC yang terlibat secara langsung dengan modul serta bertindak sebagai informan terhadap penyelidikan ini. Ianya juga bertujuan untuk menyokong kaedah penyelidikan secara kualitatif serta dapat memberikan data yang lebih spesifik. Proses menganalisis data kualitatif dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan manakala analisis data kuantitatif melibatkan penggunaan perisian SPSS versi 16.0. Dapatan kajian menunjukkan pelatih, OKP dan kakitangan di CCRC Bachok mengakui bahawa program keagamaan amat penting bagi memastikan keberkesanan pemulihan menggunakan pendekatan keagamaan.

**Kata kunci:** Persepsi Penghuni, Program Keagamaan, Kerelevanan, Keberkesanan, Modul Keagamaan

### **Abstract**

*According to the report issued by the National Anti-Drugs Agency (NADA), for the first six months of 2010, Muslim Malays ranked highest for drug abuse as compared to other ethnics. However, if they are properly guided, they might be able to recover and give contributions to the society as well as to the nation. The objectives of this research were to study the client's perception regarding the religious programs, to evaluate the efficacy of the religious programs, and to study the relevancy of the existing religious modules to be implemented in other cure and care rehabilitation centers. In order to attain the objectives, this study employed both qualitative and quantitative methods, i.e., library research, interview and questionnaires. The study population was the clients of the Cure and Care Rehabilitation Centers in Malaysia that were represented by CCRC Bachok, NADA Besut, NADA Kemaman dan CCSC Kuala Terengganu. Seventy four respondents were selected from the Muslim female clients who are undertaking the religious modules at the CCRC Bachok. The persons under supervision who became the interview respondents on the other hand, were selected from those who had undertaken the same religious modules when they were clients at the CCRC, Bachok. The more specific data were acquired through the interviews conducted among nine informants who are staffs from CCRC, NADA and CCSC who are directly involved with the implementation of the modules. The qualitative data was analysed by using the content analysis method whereas the quantitative data analysis was performed by SPSS version 16.0. The findings showed that the clients and staffs of CCRC Bachok agreed that the religious programs are important in order to ensure the effectiveness of the rehabilitation using the religious approach.*

**Keywords:** Client's Perception, Religious Programs, Relevancy, Efficacy, Religious Modules

## Pendahuluan

Isu penyalahgunaan dadah bukan lagi suatu perkara baru. Hal ini telah menjadi isu global. Laporan daripada *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) pada tahun 2002 menunjukkan bahawa hampir 185 juta individu di seluruh dunia terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah. Di Malaysia sendiri, gejala ini masih belum dapat diatasi walaupun laporan yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2012, menunjukkan penurunan kes penagihan dadah di Malaysia sebanyak 19.74% berbanding tahun 2011 (11,194 orang).

Penagihan ini dibahagikan kepada dua (2) jenis iaitu penagih yang baru dikesan oleh Sistem MyAADK iaitu sebanyak 5,270 orang, penurunan sebanyak 24.24% berbanding 6,956 orang tahun sebelumnya. Manakala bagi kes penagihan berulang yang pernah menjalani rawatan di AADK dan direkodkan dalam sistem MyAADK sebelum ini mencatatkan 3,745 orang iaitu penurunan sebanyak 11.63% berbanding tahun 2011 (4,238 orang). Secara purata, seramai 751 orang penagih dikesan setiap bulan dengan 439 orang daripadanya penagih baru dikesan dan 312 orang penagih berulang (Laporan Dadah 2012: 2).

Penagihan dadah melibatkan semua lapisan masyarakat, tidak mengenal usia dan latarbelakang keluarga sama ada golongan profesional, pendidik, buruh, artis, kakitangan awam, pelajar sekolah rendah, menengah, institusi pengajian tinggi dan anggota keselamatan.

## Kajian Literatur

Adam Mohamed (2006: 5) dalam kajiannya menyatakan bahawa penagihan semula semakin meningkat pada setiap tahun. Walaupun pihak kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar dan mempelbagaikan aktiviti untuk mengurangkan jumlah penagihan, namun usaha ini masih belum dianggap berjaya. Ianya menunjukkan bahawa program-program sedia ada perlu dikaji semula.

Menurut beliau lagi (2006: 6-9) usaha ke arah memulihkan penagih dadah bukan sekadar proses rawatan dan pemulihan tetapi harus disusuli dengan program bimbingan selepas keluar daripada institusi pemulihan (*aftercare*). Masyarakat harus menyedari proses pemulihan dadah banyak bergantung kepada kesedaran penagih itu sendiri, selain sikap keprihatinan keluarga, pendekatan pemulihan dan amalan keagamaan, kepercayaan dan sokongan masyarakat serta peranan bekas-bekas penagih dadah. Dalam kajian ini, beliau turut meninjau pandangan bekas penagih berulang (relaps) yang telah pulih daripada penagihan dadah kerana perkara penting dalam asas pemulihan adalah kesedaran diri yang membentuk nilai kerohanian yang tinggi hingga menimbulkan keyakinan untuk berubah. Kajian ini juga turut melihat pengalaman dan pembelajaran bekas-bekas penagih dadah dalam meningkatkan kesedaran dan keyakinan diri melalui pengetahuan, pengaruh, penghayatan dan amalan yang diterapkan dalam agama untuk bebas daripada pengaruh dadah.

Sebagaimana fizikal manusia yang memerlukan kepada penjagaan dan makanan untuk menjadi sihat dan bertenaga, begitu juga dengan kerohanian. Ianya memerlukan penjagaan dan rawatan rapi supaya sentiasa sihat dan bersifat positif dalam menjalani kehidupan seharian. Kekuatan kerohanian ini sangat diperlukan oleh manusia bagi mengawal dirinya supaya tidak terjebak kepada perkara-perkara negatif seperti penagihan dadah (Yuseri Bin Ahmad et.al., 2007: 144).

Dalam membantu mengatasi masalah sosial dan penagihan dadah, Pusat Baitu-Taubah atau 'Rumah Taubat' telah beroperasi di Pasir Puteh, Kelantan sejak tahun 2008 bagi melaksanakan program rawatan pemulihan dadah dan keruntuhan akhlak. Pusat ini menggunakan pendekatan program rawatan "inabah" iaitu satu kaedah kerohanian sebagai rawatan alternatif bagi memulihkan penagih dadah. Program rawatan "inabah" merupakan satu kaedah yang telah berjaya dilaksanakan di Surabaya dan Jakarta di Indonesia. Kaedah ini meliputi tiga (3) aktiviti utama, antaranya rawatan

secara fizikal kepada penagih dadah dengan mengamalkan mandi pada awal pagi yang didapati berkesan mengeluarkan sisa toksik di dalam badan, mengamalkan solat taubat dan berzikir. Seramai 15 orang kaunselor telah dihantar ke Surabaya dan Jakarta di Indonesia bagi mengikuti kursus ini.

Melalui laman web rasmi AADK bertarikh 23 Mac 2013, faktor-faktor yang menyebabkan seseorang bekas penagih itu relaps ialah kerana mereka gagal memahami dan menerima hakikat bahawa penagihannya merupakan satu penyakit. Mereka membuat penafian terhadap kehilangan kawalannya, tidak jujur, keluarga yang tidak berfungsi, kurangnya program kerohanian, tekanan, pengasingan, penagihan silang, sindrom, gejala pasca pengunduran, terlalu yakin, kembali kepada kawan lama serta rasa bersalah terhadap pengalaman lepas.

### **Permasalahan Kajian**

Malaysia terletak di kawasan berhampiran dengan segitiga emas (Thailand, Laos dan Myanmar) iaitu sumber pengeluaran dadah narkotik. Perkembangan perniagaan narkotik di kawasan 'Segitiga Emas' atau *The Golden Triangle* yang terletak di timur laut Myanmar, utara Thailand dan barat daya Laos sedikit sebanyak memberi kesan terhadap peningkatan pengedaran dan penagihan dadah di kalangan rakyat Malaysia. Kawasan ini merupakan pengeluar candu serta heroin yang paling utama di Asia Tenggara dan antara yang terbesar di dunia.

Seawal tahun 1980-an, kadar penyalahgunaan dan pengedaran dadah semakin meningkat, sementara profil penagihan pula membimbangkan ibu-bapa dan masyarakat amnya. Trend penyalahgunaan dadah yang tidak mungkin berkurangan dan bersifat *irreversible* telah muncul di kalangan masyarakat Malaysia. Bagi masyarakat Melayu khususnya, gelombang kemaraan dan kemelut dadah ini mencetuskan satu krisis sosial yang mempersoalkan kekuatan nilai-nilai tradisional mereka. Ianya juga menyogokkan satu jenis ujian terhadap sejauh mana mereka mampu bertahan menghadapi sebarang kemewahan atau ketidakseimbangan taraf sosio-ekonomi dalam kehidupan mereka. (Jumaat Mohd Nor, 1995: 5).

Realitinya, individu yang sentiasa dilanda pelbagai masalah kebiasaannya akan cenderung untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehidupan normal. Mereka lebih mudah terpengaruh untuk mengambil dadah, meminum arak, melakukan hubungan seks bebas, merompak, mencuri, membunuh, merempit dan sebagainya. Dalam kalangan masyarakat Melayu, isu penagihan dadah menjadi masalah yang sangat serius. Bagi masyarakat Cina dan India pula walaupun statistik penagihan dadah rendah di kalangan bangsa mereka, tetapi isu ketagihan arak pula menjadi isu utama. Arak tidak menjadi isu utama di kalangan bangsa Melayu kerana ianya secara jelas diharamkan dalam Islam. Perbuatan ini akhirnya menimbulkan konflik kepada jiwa mereka. Walaubagaimanapun, sekiranya golongan ini dibimbing dengan cara yang betul, mereka mampu untuk berubah dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Kecelaruan dan ketidaktentuan hala tuju seseorang individu dalam merancang masa depan depan yang cemerlang adalah berpunca daripada kegagalan mereka mengurus keperluan emosi, akal dan spiritual mereka. Menurut Muhammad Yusuf Khalid (2008: 143), kehidupan kerohanian yang kukuh bukan hanya dapat mencegah seseorang itu daripada terlibat dengan dadah, malah boleh memberi rawatan dan pemulihan yang berkesan untuk penagih dadah. Lebih daripada 70% penagih dadah di Malaysia terdiri daripada mereka yang beragama Islam. Persoalannya adakah mereka sekadar seorang Muslim dari sudut gelaran sahaja atau Muslim yang mempraktikkan ajaran Islam. Sekiranya mereka seorang yang benar-benar mempraktikkan kehidupan sebagai seorang Islam, pasti situasi seperti ini tidak akan berlaku.

Pelbagai pendekatan telah digunakan untuk mengatasi masalah penagihan dadah seperti Rawatan Terapi Gantian (RTG) menggunakan Methadone, latihan ala ketenteraan, rawatan homeopati, pemulihan kerohanian dan spiritual, modifikasi tingkahlaku, pemulihan psikologi dan

sebagainya. Sesetengah pendapat beranggapan untuk memulihkan seseorang penagih dadah memadai dengan hanya merawat kesan ketagihan semata-mata menggunakan perubatan tradisional atau moden. Namun, sekiranya pandangan ini benar, sudah pasti tidak timbul isu kes penagihan berulang dalam kalangan bekas penagih dadah. Selain itu, mereka berpendapat bahawa pengajian agama juga boleh menjadi benteng kepada masalah penagihan. Walaubagaimanapun, fakta menunjukkan terdapat golongan penagih dadah yang mempunyai latarbelakang pendidikan agama seperti sekolah pondok atau sekolah agama. Oleh yang demikian, perkara yang perlu diutamakan adalah untuk membentuk kesedaran dan penghayatan agama yang mendalam dalam kalangan penagih, bekas penagih atau individu yang terdedah dengan gejala penagihan dadah ini. Kajian ini bertujuan melihat keberkesanan program keagamaan di institusi pemulihan dalam membantu memberi bimbingan dan motivasi kepada pelatih membina jati diri yang kental agar mereka tidak lagi terjebak dengan penagihan dadah.

### **Rasional Kajian**

Kajian ini mempunyai dua (2) tujuan utama. Antaranya ialah kajian ini dijangka dapat memberi kefahaman bahawa pendekatan keagamaan merupakan solusi terbaik dalam menangani isu sejagat manusia, termasuk kes penagihan dadah.

Selain itu, data dan maklumat yang diperolehi melalui kajian ini boleh menjadi panduan kepada pelatih dan keluarga, petugas dan agensi yang terlibat serta masyarakat dalam memberi sokongan dan bimbingan kepada individu yang memerlukan.

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan program keagamaan di institusi pemulihan sebagai satu usaha dalam menyediakan bantuan berbentuk bimbingan dan motivasi kepada penghuni. Secara khususnya, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mengkaji persepsi penghuni terhadap program keagamaan di institusi pemulihan.
- ii. Menilai keberkesanan program keagamaan di institusi pemulihan dalam membantu kejayaan proses rawatan dan pemulihan penghuni.
- iii. Mengkaji kerelevanan pelaksanaan modul keagamaan di institusi pemulihan untuk diaplikasikan ke institusi pemulihan yang lain.

### **Hipotesis Kajian**

Pelbagai pendekatan telah digunakan untuk mengatasi gejala penagihan dadah seperti Rawatan Terapi Gantian (RTG) menggunakan methadone, latihan ala ketenteraan, rawatan homeopati, pemulihan kerohanian dan spiritual, modifikasi tingkahlaku, pemulihan psikologi dan sebagainya. Walaubagaimanapun, sehingga kini tiada satu kaedah yang diakui benar-benar membantu dan memberi kesan kepada penagih. Oleh itu, satu bentuk pemulihan yang bersifat holistik perlu dilaksanakan dalam membantu memberi bimbingan dan motivasi kepada pelatih membina jati diri yang kental agar mereka tidak lagi terjebak dengan penagihan dadah.

### **Metodologi Kajian**

- i) Rekabentuk Kajian

Penyelidikan ini mengkombinasikan kaedah kajian secara kualitatif dan kuantitatif. Oleh yang demikian, instrumen pengumpulan data yang dipilih bagi mewakili kedua-dua kaedah tersebut adalah

temubual dan soal selidik.

ii) Populasi

Populasi penyelidikan dalam skop kajian meliputi pusat pemulihan dadah di Malaysia yang diwakili oleh *Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC)* Bachok, AADK Daerah Besut, AADK Daerah Kemaman dan Pusat Khidmat Pulih dan Prihatin Kuala Terengganu atau lebih dikenali sebagai *Cure and Care Service Centre (CCSC)*.

iii) Sampel Kajian

Responden terdiri daripada 74 orang pelatih wanita yang beragama Islam dan menjalani modul keagamaan di CCRC Bachok. Bagi Orang Kena Pengawasan (OKP) pula, kriteria pemilihan sampel adalah wanita yang pernah mengikuti modul keagamaan semasa menjadi pelatih di CCRC Bachok. Responden OKP yang terlibat adalah seramai 13 orang.

iv) Instrumen Kajian

a. Soal Selidik

Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen pengumpulan data kuantitatif. Kaedah pengumpulan data secara soal selidik digunakan kepada responden yang terlibat dengan modul keagamaan. Hasil dapatan soal selidik adalah lebih menyeluruh serta dapat menjawab objektif kajian yang pertama.

b. Temubual

Temubual dilakukan bertujuan menyokong kaedah penyelidikan secara kualitatif serta dapat memberikan data yang lebih spesifik khususnya dalam menjawab objektif kajian kedua dan ketiga. Temubual dilakukan ke atas kakitangan CCRC, AADK Daerah dan CCSC yang terlibat secara langsung dengan modul serta bertindak sebagai pemberi maklumat dalam penyelidikan ini. Selain itu, temubual juga dilakukan kepada responden OKP, khususnya OKP yang pernah menjalani pemulihan di CCRC Bachok.

v) Limitasi Kajian

Penyelidikan ini memberi fokus terhadap pendekatan keagamaan dalam proses pemulihan pelatih khususnya pelatih di CCRC Bachok serta OKP yang pernah menjalani rawatan pemulihan di CCRC Bachok. Selain itu, penyelidikan ini meliputi program, aktiviti dan masalah yang dihadapi oleh pelatih dan juga kakitangan.

## Dapatan Kajian

i) Data Demografi

Terdapat 16 item dibina bagi memberi gambaran tentang latarbelakang responden. Antara item-item yang terkandung dalam bahagian ini ialah umur, tahap pendidikan, status, pekerjaan, bilangan adik-beradik, pendapatan bapa, pendapatan ibu, hubungan ibu-bapa, tempat kediaman, pendidikan agama, negeri asal, umur mula terlibat dengan dadah, sejarah keluarga yang terlibat dengan dadah, tempoh penglibatan dalam gejala penyalahgunaan dadah, kekerapan menjadi pelatih di CCRC serta sebab kemasukan ke CCRC.

Hasil analisis mendapati kebanyakan responden berumur dalam lingkungan 26 – 34 tahun (43.2%), manakala responden mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah kebangsaan sahaja (67.6%) dan sudah bercerai (36.5%). Hasil analisis turut mendapati sebanyak 39 responden (52.7%) telah bekerja. Majoriti responden mempunyai bilangan adik-beradik antara 4 hingga 6 orang iaitu sebanyak 52.7% dan kebanyakan daripada bapa responden tidak mempunyai pendapatan tetap iaitu

31.1%. Manakala, ibu responden yang tidak mempunyai pendapatan tetap sebanyak 55.4%. Majoriti daripada ibu-bapa responden mempunyai hubungan suami isteri iaitu sebanyak 45.9%. Hasil analisis mendapati sebanyak 40.5% daripada responden tinggal di kawasan kampung dan 60.8% mendapat pendidikan agama di sekolah kebangsaan sahaja. Kebanyakan responden berasal daripada negeri Selangor iaitu sebanyak 17.6% dan sebanyak 28.4% daripada mereka mula terlibat dengan dadah sejak berumur 19 hingga 21 tahun. Hasil analisis turut mendapati, sebanyak 40.5% responden tidak mempunyai ahli keluarga yang terlibat dengan dadah dan 63.5% responden telah terlibat dengan dadah dalam tempoh 5 hingga 7 tahun. Majoriti responden merupakan pelatih yang baru memasuki CCRC buat pertama kali iaitu 67.6% manakala responden yang dimasukkan ke CCRC disebabkan oleh perintah mahkamah sebanyak 90.5%.

- ii) **Dapatan Objektif Pertama; mengkaji persepsi penghuni terhadap program keagamaan di institusi pemulihan**

Analisis data berkenaan dengan objektif kajian yang pertama ialah mengkaji persepsi penghuni terhadap program keagamaan di institusi pemulihan. Setiap item yang dikemukakan menggunakan skala Likert. Secara keseluruhannya, skala Likert yang digunakan mempunyai lima (5) tahap iaitu sangat tidak bersetuju, tidak bersetuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju.

Bagi melihat persepsi penghuni terhadap program keagamaan di institusi pemulihan, penyelidik menyediakan soal selidik yang mengandungi 10 item. Respon bagi item-item yang digunakan dalam soal selidik ini mengikut skala 5 mata iaitu 5-Sangat Setuju, 4-Setuju, 3-Kurang Setuju, 2- Tidak Setuju dan 1- Sangat Tidak Setuju.

#### Jadual 1.1

*Persepsi pelatih terhadap program keagamaan di CCRC*

Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju		Min
	f	%	F	%	f	%	f	%	f	%	
Saya berpuas hati dengan aktiviti keagamaan di sini	1	1.4	1	1.4	4	5.4	31	41.9	37	50.0	4.38
Program keagamaan di sini dapat memberi semangat kepada saya untuk meneruskan kehidupan	1	1.4	-	-	1	1.4	29	39.2	43	58.1	4.53
Solat berjemaah sangat Menyeronokkan kerana dilakukan beramai-ramai	-	-	1	1.4	1	1.4	21	28.4	51	68.9	4.65
Kelas agama yang disampaikan menarik dan tidak membosankan	1	1.4	1	1.4	15	20.3	27	37.8	29	39.2	4.12
Tajuk ceramah agama yang dibuat sangat berkaitan dengan	1	1.4	-	-	7	9.5	33	44.6	33	44.6	4.31

keperluan kami												
Penceramah agama menggunakan bahasa yang mudah difahami	5	6.8	1	1.4	9	12.2	28	37.8	31	41.9	4.07	
Kekerapan program keagamaan adalah mencukupi	2	2.7	4	5.4	4	5.4	40	54.1	24	32.4	4.08	
Guru kelas agama menggunakan kaedah penyampaian yang menyeronokkan	-	-	4	5.4	12	16.2	31	41.9	27	36.5	4.09	
Isi kandungan pengajaran di kelas agama adalah mencukupi	2	2.7	1	1.4	7	9.5	44	59.5	20	27.0	4.07	
Isi kandungan pengajaran di kelas agama adalah sesuai dengan pemikiran saya	2	2.7	2	2.7	5	6.8	37	50.0	28	37.8	4.18	
<b>Min Keseluruhan</b>											<b>4.24</b>	

Jadual 1.1 menunjukkan analisis keseluruhan bagi persepsi pelatih terhadap program keagamaan di CCRC. Hasil analisis mendapati min keseluruhan bagi persepsi pelatih terhadap program keagamaan di CCRC adalah 4.24. Ini bermakna tahap kefahaman pelatih terhadap program keagamaan di CCRC berada di tahap yang tinggi berdasarkan pengiraan tahap min seperti di bawah:

Tahap min 3.667 hingga 5 berada pada tahap tinggi.

Tahap min 2.33 hingga 3.66 berada di tahap sederhana manakala tahap min 1.00 hingga 2.32 berada di tahap yang rendah.

Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan kesemua item dalam bahagian ini mempunyai min yang tinggi. Ini bermakna, pelatih-pelatih di CCRC berpuas hati dengan program keagamaan yang dijalankan serta berpendapat bahawa program keagamaan yang dijalankan di CCRC adalah menarik, tidak membosankan serta mampu memberi semangat kepada mereka. Selain itu, pelatih di CCRC juga turut merasakan jumlah program keagamaan yang dijalankan di CCRC adalah mencukupi serta sesuai dengan tahap pemikiran mereka.

### iii) Dapatan Objektif Pertama: Persepsi OKP Terhadap Program Keagamaan

#### a. CCRC

Berdasarkan temubual, hasil penyelidikan mendapati kesemua responden berpuas hati dengan aktiviti keagamaan di CCRC. Antara contoh program yang dimaksudkan ialah ceramah agama, program smart solat dan program Metod Al-Jauhar.

Responden ditanya mengenai persepsi terhadap tajuk ceramah sama ada ianya berkaitan dengan keperluan mereka. Respon yang diterima adalah baik. Ini kerana kebanyakan tajuk ceramah



adalah berkaitan dengan kematian yang memberikan keinsafan kepada mereka semasa di CCRC.

Bagi persepsi responden terhadap kesesuaian masa program keagamaan pula, kesemua mereka menyatakan masa adalah bersesuaian kerana telah disusun dalam jadual aktiviti seharian mereka.

Selain itu, mereka juga ditanya mengenai persepsi terhadap kekerapan program keagamaan. Kesemua responden yang ditemubual bersetuju dengan kekerapan program yang dilaksanakan. Namun, terdapat juga OKP yang berpendapat jadual terlalu padat dan agak meletihkan.

Bagi melihat persepsi responden terhadap penceramah, masing-masing menyatakan penceramah menggunakan *power point presentation slide*, dan menyelitkan unsur-unsur jenaka bagi menarik minat dan perhatian pelatih untuk kekal mendengar ceramah.

Dari segi isi kandungan ceramah pula, hampir 80% responden berpendapat isi kandungan ceramah bersesuaian dengan tahap pemikiran mereka manakala selebihnya berpendapat ianya tidak sesuai dengan tahap pemikiran mereka.

#### b. AADK

Soalan yang sama juga dikemukakan kepada responden seperti soalan berkaitan persepsi mereka terhadap program keagamaan di CCRC. Perbezaan hanya dari segi konteks sahaja apabila responden diminta memberikan pandangan mereka dalam konteks AADK sewaktu mereka melapor diri.

Hampir 80% responden menyatakan bahawa tiada program keagamaan yang khusus sewaktu mereka melapor diri di AADK daerah masing-masing. Terdapat juga di kalangan mereka menyatakan program keagamaan yang diadakan adalah secara berkala seperti program bersempena Maal Hijrah dan sebagainya.

Persepsi mereka terhadap kesesuaian masa program keagamaan di AADK adalah tidak sesuai kerana wujud kekangan masa. Ini adalah kerana terdapat di kalangan mereka yang bekerja dan mempunyai komitmen terhadap keluarga.

Segelintir responden menyatakan bahawa mereka pernah mengikuti program keagamaan di AADK. Namun, tajuk dan isi kandungan ceramah tidak menepati keperluan OKP dan hanya ceramah biasa sahaja.

Kebanyakan responden juga melahirkan perasaan rindu dan pengharapan yang tinggi supaya diberi pengisian kerohanian sebagaimana yang diperolehi ketika berada di CCRC Bachok. Ada yang berhasrat untuk kembali berada di CCRC Bachok kerana berasa lebih tenang dan selesa dengan aktiviti dan pengisian kerohanian yang diterima berbanding kehidupan di luar.

#### iv) Dapatan Objektif Pertama: Persepsi Kakitangan Terhadap Program Keagamaan

Berdasarkan hasil temubual dengan 5 orang kakitangan khususnya yang terlibat dengan pelaksanaan program keagamaan di CCRC Bachok, penyelidik mendapati kesemua mereka menjalankan tugas dan melaksanakan aktiviti keagamaan dengan begitu gigih dan ikhlas terhadap pelatih. Masa dan bidang tugas tidak menjadi masalah atau bebanan kepada mereka walaupun kadangkala terdapat kekangan dari segi peruntukan dan kekurangan tenaga pengajar. Mereka juga yakin pendekatan keagamaan dapat memulihkan pelatih sekiranya pelatih benar-benar menghayati setiap ilmu yang disampaikan.

v) **Dapatan Objektif Kedua: Keberkesanan Program Keagamaan di CCRC**

Analisis seterusnya adalah mengenai keberkesanan program keagamaan di CCRC seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian kedua.

*a. Hubungan Di Antara Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Dengan Keberkesanan Program Keagamaan Dalam Diri Pelatih*

Secara amnya, Bahagian B mempunyai 6 item. Keenam-enam item direkabentuk untuk mengukur sejauh mana penglibatan pelatih dalam program keagamaan di CCRC. Bahagian C pula mempunyai 20 item dan di bahagikan kepada 3 domain. Antara domain yang terdapat di Bahagian C adalah kesan terhadap pengetahuan, kesan kepada kesedaran rohani dan jasmani serta kesan terhadap tingkahlaku. Bahagian D pula mempunyai 7 item dan digunakan untuk mengukur kesan program keagamaan terhadap keyakinan diri pelatih.

**- Hubungan Di Antara Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Dengan Kesan Terhadap Pengetahuan**

Bagi melihat keberkesanan program latihan, pengkaji telah menggunakan kaedah statistik korelasi bagi melihat hubungan di antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap pengetahuan. Analisis korelasi biasanya digunakan untuk melihat kekuatan serta arah hubungan di antara kedua-dua pembolehubah sama ada positif atau negatif. Jadual 8.5.1 menunjukkan hubungan korelasi antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap pengetahuan.

Jadual 8.5.1

*Hubungan di antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap pengetahuan*

	Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan	Kesan Program Keagamaan Terhadap Pengetahuan
Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Pekali Korelasi Tahap Kepercayaan (2-tail)	1	0.81** 0.0000
Kesan Program Keagamaan Terhadap Pengetahuan Pekali Korelasi Tahap Kepercayaan (2-tail)	0.81** 0.000	1

\*\* Signifikan pada aras keertian  $P < 0.01$

Daripada Jadual 8.5.1, dapat dilihat arah hubungan di antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap pengetahuan adalah positif. Ini bermakna, terdapat hubungan yang positif di antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap pengetahuan. Ia juga menunjukkan, semakin tinggi penglibatan pelatih dalam program keagamaan, semakin tinggi kesan program keagamaan terhadap pengetahuan.

Daripada Jadual 8.5.1 juga dapat dilihat nilai pekali korelasi yang di peroleh adalah 0.81. Nilai pekali korelasi yang diperolehi menunjukkan, hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah ini berada pada tahap yang tinggi. Daripada hasil analisis data juga didapati nilai  $P = 0.000$  dan nilai  $P = 0.000$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.01$ . Ini bermakna, tahap kepercayaan bagi keputusan korelasi

ini adalah tinggi iaitu sebanyak 100.00%.

- Hubungan Di Antara Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Dengan Kesan Terhadap Kesedaran Rohani dan Jasmani

Jadual 8.5.2 pula menunjukkan hubungan korelasi antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan terhadap kesedaran rohani dan jasmani. Hasil analisis korelasi mendapati arah hubungan di antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap kesedaran rohani dan jasmani adalah positif. Ini bermakna, terdapat hubungan yang positif di antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap kesedaran rohani dan jasmani. Ia juga menunjukkan semakin tinggi penglibatan pelatih dalam program keagamaan, semakin tinggi kesan program keagamaan terhadap kesedaran rohani dan jasmani.

Daripada jadual 8.5.2 juga dapat dilihat nilai pekali korelasi yang di peroleh adalah 0.789. Nilai pekali korelasi yang diperolehi menunjukkan, hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah ini berada di tahap yang tinggi. Daripada hasil analisis data juga didapati nilai  $P = 0.000$  dan nilai  $P = 0.000$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.01$ . Ini bermakna, tahap kepercayaan bagi keputusan korelasi ini adalah tinggi iaitu sebanyak 100.00%.

Jadual 8.5.2

*Hubungan Di Antara Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Dengan Kesan Terhadap Kesedaran Rohani dan Jasmani*

	Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan	Kesan Terhadap Rohani dan Jasmani
Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Pekali Korelasi Tahap Kepercayaan (2-tail)	1	0.789** 0.0000
Kesan Program Keagamaan Terhadap Rohani dan Jasmani Pekali Korelasi Tahap Kepercayaan (2-tail)	0.789** 0.000	1

\*\* Signifikan pada aras keertian  $P < 0.01$

- Hubungan Di Antara Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Dengan Kesan Terhadap Tingkahlaku

Jadual 8.5.3 pula menunjukkan hubungan korelasi antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan terhadap tingkah laku. Hasil analisis korelasi mendapati arah hubungan di antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap tingkah laku pelatih adalah positif. Ini bermakna, terdapat hubungan yang positif di antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap tingkah laku. Arah hubungan ini turut menjelaskan semakin tinggi penglibatan pelatih dalam program keagamaan, semakin tinggi kesan program keagamaan terhadap tingkahlaku pelatih.

Daripada jadual 8.5.3 juga dapat dilihat nilai pekali korelasi yang di peroleh adalah 0.632. Nilai pekali korelasi yang diperolehi menunjukkan, hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah ini berada di tahap yang tinggi. Daripada hasil analisis data juga didapati nilai  $P = 0.000$  dan nilai  $P = 0.000$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.01$ . Ini bermakna, tahap kepercayaan bagi keputusan korelasi ini adalah tinggi iaitu sebanyak 100.00%.

## Jadual 8.5.3

*Hubungan Di Antara Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Dengan Kesan Tingkah Laku*

	Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan	Kesan Program Keagamaan Terhadap Tingkahlaku
Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Pekali Korelasi Tahap Kepercayaan (2-tail)	1	0.632** 0.0000
Kesan Program Keagamaan Terhadap Tingkahlaku Pekali Korelasi Tahap Kepercayaan (2-tail)	0.632** 0.000	1

\*\* Signifikan pada aras ke ertian  $P < 0.01$

- Hubungan Di Antara Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Dengan Kesan Terhadap Keyakinan Diri Pelatih

Jadual 8.5.4 pula menunjukkan hubungan korelasi antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan terhadap keyakinan diri pelatih. Hasil analisis korelasi mendapati arah hubungan di antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap keyakinan diri pelatih adalah positif. Ini bermakna, terdapat hubungan yang positif di antara penglibatan pelatih dalam program keagamaan dengan kesan program keagamaan terhadap keyakinan diri pelatih. Arah hubungan ini turut menjelaskan semakin tinggi penglibatan pelatih dalam program keagamaan, semakin tinggi kesan program keagamaan terhadap keyakinan diri pelatih.

Daripada jadual 8.5.4 juga dapat dilihat nilai pekali korelasi yang di peroleh adalah 0.595. Nilai pekali korelasi yang diperolehi menunjukkan, hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah ini berada di tahap yang sederhana. Daripada hasil analisis data juga didapati nilai  $P = 0.000$  dan nilai  $P = 0.000$  lebih kecil daripada nilai  $\alpha = 0.01$ . Ini bermakna, tahap kepercayaan bagi keputusan korelasi ini adalah tinggi iaitu sebanyak 100.00%.

## Jadual 8.5.4

*Hubungan Di Antara Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Dengan Kesan Terhadap Keyakinan Diri*

	Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan	Kesan Program Keagamaan Terhadap Keyakinan Diri
Penglibatan Pelatih Dalam Program Keagamaan Pekali Korelasi Tahap Kepercayaan (2-tail)	1	0.595** 0.0000
Kesan Program Keagamaan Terhadap Keyakinan Diri Pekali Korelasi Tahap Kepercayaan (2-tail)	0.595** 0.000	1

\*\* Signifikan pada aras ke ertian  $P < 0.01$

### *b. Hasil Temubual OKP*

Keberkesanan program keagamaan juga dilihat kepada OKP yang pernah mengikuti program keagamaan semasa di CCRC Bachok. Berdasarkan respon OKP, keberkesanan program keagamaan terhadap penghayatan keagamaan mereka dari sudut kesan kepada pengetahuan adalah sangat tinggi. Ramai di kalangan OKP yang ditemubual menyatakan mereka tidak mempunyai pengetahuan agama sebelum ini, tetapi setelah mengikuti program keagamaan di CCRC Bachok pengetahuan agama mereka semakin baik dan meningkat. Mereka juga memahami tuntutan syariat Islam supaya menjauhi dadah serta mula mempunyai matlamat hidup.

Dari sudut kesan kepada kesedaran rohani dan jasmani pula, OKP menyatakan bahawa program keagamaan di CCRC membentuk keimanan yang kuat kepada Allah s.w.t kerana pengisian agama yang berterusan sewaktu di CCRC. Mereka juga memberikan respon bahawa program keagamaan memberikan keinsafan terhadap dosa-dosa mereka yang lalu serta merasakan kehidupan lebih bermakna.

Berdasarkan respon mereka, keberkesanan program keagamaan dalam penghayatan keagamaan dari sudut kesan terhadap tingkahlaku adalah sangat positif. Terdapat di kalangan mereka yang tidak pernah melakukan solat 5 waktu, tetapi selepas mengikuti program keagamaan, mereka lebih menjaga solat 5 waktu. Walaupun pada peringkat awalnya dilakukan secara terpaksa, namun lama-kelamaan mereka menunaikan solat dengan rela hati dan mula merasakan ketenangan jiwa. Begitu juga dengan ibadah yang lain.

Terdapat juga di kalangan OKP yang merupakan bekas pelatih daripada CCRC Bachok yang istiqamah dalam mengamalkan ajaran Islam. Beliau mempunyai kefahaman yang mantap tentang Islam dan pernah menjuarai pertandingan tilawah semasa menjadi pelatih. Selepas tamat menjalani rawatan pemulihan di CCRC, beliau mendapat kepercayaan masyarakat untuk menjadi guru al-quran kepada anak-anak penduduk kampung. Ini membuktikan bahawa melalui bimbingan dan pendekatan agama, bekas pelatih bukan hanya mempunyai jati diri yang kuat tetapi juga mampu memberi perkhidmatan yang baik dan mulia di sisi masyarakat.

## **Perbincangan**

Kajian ini turut melihat kerelevanan pelaksanaan modul keagamaan JAKIM ini untuk diaplikasikan di institut pemulihan lain. Perbincangan adalah meliputi aspek kandungan modul, jenis dan kekerapan aktiviti keagamaan, cadangan bagi proses pengajaran dan pembelajaran, cadangan bagi pelaksana program keagamaan, cadangan penambahbaikan modul.

### **i) Kandungan Modul Keagamaan JAKIM**

Modul yang digunakan oleh AADK adalah yang dikeluarkan oleh JAKIM. Menurut Ustazah Rohani modul tersebut telah digunakan sebelum tahun 2009. Topik yang terdapat dalam modul meliputi pelbagai aspek tetapi melebihi sesi wajib, iaitu 48 sesi. Masa yang diperuntukkan bagi setiap sesi ialah 1 jam. Kaedah pengajaran yang digunakan pula ialah kaedah syarahan. Kandungan modul bersesuaian dengan tahap pengetahuan pelatih.

Hasil penyelidikan mendapati bahawa terdapat masalah dalam pelaksanaan modul. Sebelum transformasi, perintah kemasukan ialah selama 2 tahun. Walaubagaimanapun, selepas transformasi program yang bermula pada 18 September 2011, penghuni boleh dibebaskan di bawah 12 bulan dengan kebenaran pengarah. Oleh itu, kelas agama sebanyak 48 sesi perlu dihabiskan dalam tempoh 6 bulan. Namun, pada masa ini sekiranya penghuni tinggal melebihi daripada 6 bulan, mereka terpaksa mengulang semula sesi. Walaupun tajuk melebihi sesi, tetapi tidak boleh diajar kepada mereka kerana kekurangan tenaga pengajar. Penghuni yang mempunyai latarbelakang pendidikan yang berbeza atau lebih tinggi masih menggunakan buku dan latihan di tahap sekolah rendah. Oleh yang demikian,

sebahagian kecil pelatih menyatakan bahawa tahap pengajaran adalah rendah.

ii) Jenis Aktiviti Dan Kekerapan Aktiviti Keagamaan

Antara program dan aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di CCRC Bachok adalah seperti dalam Jadual 6.1. Senarai program serta aktiviti keagamaan dalam Jadual 6.1 adalah berdasarkan analisa dokumentasi jadual program di CCRC Bachok dari bulan Jun 2012 hingga Oktober 2012 serta observasi yang dilakukan sewaktu penyelidikan membuat kajian lapangan di CCRC Bachok.

Jadual 9.1

*Program dan Aktiviti Keagamaan di CCRC Bachok*

Bil	Aktiviti	Masa
1.	Solat berjemaah 5 waktu	Setiap hari
2.	Kelas agama	45 minit / 1 jam 4 kali seminggu
3.	Smart Solat	1 jam 1 kali seminggu
4.	Ceramah JHEAK	2 jam 1 kali seminggu
5.	Bacaan Yaasin Selepas solat Maghrib	1 jam 30 minit 4 kali seminggu
6.	Mengaji Mukaddam Selepas Maghrib	1 jam 30 minit 2 kali seminggu
7.	Bacaan ma'thurat selepas solat subuh	Jumaat dan Sabtu
8.	Solat hajat	4 kali seminggu
9.	Kuliah Maghrib/Isyak (bersama ustaz dari halaqah Bachok)	1 jam 30 minit 1 kali seminggu
10.	Ceramah Ta'mir	1 jam 30 minit 2 kali seminggu
11.	Kelas Iqra' (1 & 2) menggunakan Method Al-Jauhar (ustaz sukarela, dari Gas Pantai Timur)	1 jam 30 minit 2 kali seminggu (Jumaat)
12.	Solat hajat dan Majlis Tahnik	1 jam 45 minit
13.	Israk Mikraj	1 jam
14.	Ihya' Ramadhan	1 jam 30 minit 1 kali
15.	Tadarus Al-Quran	1 jam 45 minit setiap hari sepanjang Ramadhan
16.	Ceramah Nuzul Al-Quran	1 jam 45 minit
17.	Majlis Khatam Al-Quran	1 jam



Aktiviti sepanjang bulan



Aktiviti tenaga pengajar luar



Aktiviti berkala / bermusim

iii) Cadangan Bagi Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan temubual dengan kaunselor dan ustazah daripada Unit Agama CCRC Bachok, alat bantuan mengajar adalah sangat diperlukan kerana buat masa ini mereka berkongsi dengan unit-unit lain. Selain itu, tempat pembelajaran perlu diadakan dalam kelas khusus untuk program keagamaan kerana buat masa ini segala aktiviti keagamaan diadakan di surau sahaja.

iv) Cadangan Bagi Pelaksana Program Keagamaan

Unit Agama perlu dilengkapi dengan seorang Pegawai Agama berkelulusan ijazah, dua orang Penolong Pegawai Agama berkelulusan diploma, dua orang Pembantu Hal Ehwal Islam, tenaga pengajar sukarela dan tenaga pengajar luar/jemputan. Bilangan berdasarkan cadangan Ustazah Rohani adalah 1:20. Justifikasinya adalah bilangan kaunselor lebih ramai berbanding dengan pegawai agama. Peranan CCRC sebagai pusat yang menguruskan pelatih yang bermasalah memerlukan tenaga pengajar yang lebih profesional dari segi pengurusan dan bimbingan. Seorang tenaga pengajar yang berkelulusan SPM tidak memadai, ditambah pula dengan bebanan tugas lain yang melebihi skop tugas hakiki. Perkara ini akan menjejaskan keberkesanan program keagamaan.

v) Cadangan Penambahbaikan Modul

Modul dibahagikan kepada 3 tahap iaitu asas, pertengahan dan lanjutan dengan syarat mempunyai penambahan pelaksana bagi setiap tahap.

*a. Modul Feqah*

Isi kandungan modul sedia ada sesuai digunapakai. Walaubagaimanapun, dicadangkan penambahan beberapa tajuk tertentu yang penting dan sesuai dengan keperluan pelatih. Antaranya ialah mandi wajib, pelbagai jenis solat sunat termasuk solat tahajud, solat taubat, solat hajat, solat witir dan solat dhuha.

*b. Modul Tauhid (Akidah)*

Pengkaji juga mencadangkan agar modul tauhid ini lebih memfokuskan kepada konsep syahadatain, rukun iman, rukun Islam, ihsan dan juga konsep tauhid uluhiyah, rububiah dan asma'wa sifat dengan memurnikan sifat 20. Selain itu, perlu dimasukkan juga tentang perkara yang membatalkan syahadah.

*c. Modul Sejarah Islam (Sirah)*

Modul sirah dicadangkan supaya digantikan dengan modul tafsir. Modul tafsir ini membincangkan surah Al-fatihah, surah muawizat, ayatul qursi dan surah yasin. Selain itu, cadangan supaya memasukkan hadis pilihan iaitu hadis Jibril, hadis pertama dari hadis 40, hadis berkaitan halal dan haram, hadis berkaitan kematian dan hari qiamat.

*d. Modul Akhlak*

Modul sedia ada adalah sesuai. Walaubagaimanapun, dicadangkan beberapa tajuk tambahan turut diterapkan kepada pelatih iaitu tentang adab dengan Allah, ibu bapa, guru, rakan-rakan, jiran, cara berpakaian dan menuntut ilmu.

### **Implikasi Kajian**

Kajian ini memberi implikasi kepada penambahan kakitangan pelaksana aktiviti keagamaan di CCRC serta penambahbaikan modul keagamaan sedia ada. Selain itu, tahap kelulusan kakitangan pelaksana juga hendaklah dinaiktaraf kepada kakitangan yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islam atau sekurang-kurangnya Diploma Pengajian Islam agar pelaksanaan program dan aktiviti keagamaan berjaya diterapkan dengan lebih efisien dan berkualiti.

## Penutup

Dapatan kajian menunjukkan pelatih, OKP dan kakitangan di CCRC Bachok bersetuju bahawa program keagamaan amat penting bagi memastikan penglibatan serta keberkesanan pemulihan menggunakan pendekatan keagamaan.

## Rujukan

- Abd al-Qadir, Hamid. 1947. *al-‘Ilaj al-Nafsaniy*. Mesir: Dar Ihya’ al-Kutub al-Arabiyyah.
- Abu Bakar Abdul Majed (pnyt.). 1999. *Perubatan Pencegahan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Adam Mohamed (2006). *Tingahlaku Penagihan Semula, Punca-Punca Penagihan dan Pemulihan Kerohanian Menurut Perspektif Islam*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru, Johor.
- Hamdani Bakran Adz-Dzaky, M. 2001. *Psikoterapi dan Kaunseling Islam: Penerapan Metod Sufistik*. Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru.
- Jumaat Mohd Nor (Dato’). 1995. *Masyarakat Melayu: Gejala Dadah dan Penyelesaiannya dalam Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial: Proses Penyelesaian ke arah Pembinaan Masyarakat Melayu Cemerlang Abad ke 21*. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Laporan Dadah 2012. Bahagian Dasar, Perancangan Dan Penyelidikan Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia Tahun 2012
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed, Maizurah Zakaria & Salleh Hj. Ghani. 2009. *Keberkesanan Modul Model Matrix Untuk Pemulihan Penagih Dadah Dalam Setting Komuniti: Laporan Kajian Perintis Di AADK Muar, Kota Bahru Dan Kota Kinabalu*. Jurnal Antidadah. Hal 1-16.
- Muhammad Yusuf Khalid (Dr). 2008. *Psycho-Spiritual Therapy Approach for Drug Addiction Rehabilitation*. Jurnal Antidadah. Hal 143-151.
- Najati, Muhammad ‘Uthman. 2001. *Jiwa Manusia dalam Sorotan al-Quran*. Terj. Ibn Ibrahim. Jakarta: Cendekia Sentra Muslim.
- Najati, Muhammad ‘Uthman. 1993 (a). *al-Hadith al-Nabawiy wa ‘Ilm al-Nafs*. Cetakan ke- 2. Kaherah: Dar al-Shuruk.
- Najati, Muhammad ‘Uthman. 1993(b). *al-Dirasah al-Nafsaniyyat ‘inda al- ‘Ulama’ al-Muslimin*. Cetakan 1. Kaherah: Dar al-Shuruk.
- Yuseri Bin Ahmad, Sapora Bt. Sipon, Marina Munira Abdul Mutalib (2007). *Peranan Kerohanian Dalam Menangani Gejala Dadah*. Jurnal Antidadah. Hal 137-154.